

Persepsi Pelajar Tahun Akhir Bidang TVET Terhadap Penggunaan Media Sosial dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Muhamad Musyrif Mazni¹, Nurul Aini Mohd Ahyan^{2*}, Hanifah Jambari³, Nur Hazirah Noh@Seth⁴, Mohamad Rasidi Pairan⁵

^{1,2,3,4,5}Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
*nurul.aini@utm.my

Received: 6 September 2022

Received in revised form: 13 February 2023

Accepted: 20 March 2023

Published: 31 July 2023

ABSTRAK

Penggunaan media sosial pada masa kini semakin luas dan menyeluruh terutamanya di kalangan pelajar. Pelbagai maklumat dan informasi yang bermanfaat boleh diperolehi dalam masa singkat setelah kewujudan media sosial ini. Melihat kepada kepentingan dan keperluan penggunaan media sosial, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti persepsi pelajar tahun akhir bidang pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) di Sekolah Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia terhadap penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi Twitter, Youtube dan Instagram. Pendekatan kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini yang melibatkan sampel seramai 75 responden melalui satu soal selidik bagi menjawab persoalan kajian. Penganalisan data dibuat dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science SPSS Statistics (SPSS) versi 26 bagi mendapatkan nilai min, peratusan dan kekerapan bagi persoalan. Analisis regresi pula telah digunakan bagi melihat kesan penggunaan media sosial kepada kemahiran pelajar, komunikasi pelajar dan kandungan pelajaran. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa platform 'Youtube' mempunyai persepsi yang lebih baik dalam penggunaannya sebagai media pengajaran berbanding platform 'Facebook' dan 'Twitter'. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa, penggunaan media sosial memberikan impak positif terhadap peningkatan kemahiran pelajar (42.9%), komunikasi pelajar (60.7%) dan kandungan pelajaran (51.5%).

Kata kunci

Penggunaan Media Sosial, TVET, Twitter, Youtube, Instagram

ABSTRACT

Nowadays, the use of social media is increasingly widespread and pervasive, especially among students. Various useful information and resources can be obtained quickly due to the existence of social media. Recognizing the importance and the need for social media usage, this study aims to identify the perceptions of final-year students in the Technical and Vocational Education and Training (TVET) field at the School of Education, Universiti Teknologi Malaysia, regarding the use of social media in teaching and learning, specifically Twitter, Youtube, and Instagram. A quantitative approach was employed in this study, involving a sample of 75 respondents who completed a questionnaire to answer the research questions. Data analysis was performed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26 to obtain minimum values, percentages, and frequencies for the research questions. Regression analysis was also utilized to examine the effects of social media usage on students' skills, communication, and instructional content. Overall, the findings indicate that the 'Youtube' platform had a more positive perception in its use as a teaching media compared to 'Facebook' and 'Twitter' platforms. Additionally, the study reveals that the use of social media has a positive impact on improving students' skills (42.9%), communication (60.7%), and instructional content (51.5%).

Pengenalan

Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan, teknologi informasi dan komunikasi yang memungkinkan manusia untuk mengakses dan menggunakan maklumat dari mana sahaja mereka berada tanpa mengira masa atau tempat. Pada masa kini, ia hanya tersedia dalam direktori rumah pengguna untuk membantu mereka mencari maklumat yang ingin diperolehi. Kenyataan ini disahkan oleh Laporan Digital Global oleh We Are Social & Hootsuite (2018) yang

mendapati bahawa jumlah pengguna Internet di Malaysia meningkat sebanyak 79 peratus, dengan jumlah penduduk semasa seramai 25.08 juta orang.

Jika dilihat secara lebih mendalam, secara tidak langsung, kemajuan teknologi ini juga akan terus memberikan kesan kepada sektor pendidikan. Kemajuan teknologi maklumat yang pesat telah mengakibatkan peningkatan penggunaan komputer dan internet di kebanyakan institusi pendidikan Malaysia. Penggunaan media pada komputer yang mempunyai rangkaian internet membolehkan dokumen disimpan dan diambil semula dengan cepat dan mudah. Ini selaras dengan pandangan Fullan dan Langworthy (2013), yang percaya bahawa kemajuan teknologi dalam pendidikan boleh memberi manfaat kepada pelajar di dalam bilik darjah dengan meningkatkan keyakinan pelajar terhadap keupayaan untuk belajar dan mengajar. Jika dahulu, guru lebih gemar menggunakan kaedah 'chalk and talk' dan penyebaran ilmu hanya tertumpu silibus dan kandungan di dalam buku teks sahaja, namun ianya berbeza pada masa kini. Menurut Kop (2011), satu sumbangan terbesar daripada pengaplikasian teknologi internet kepada dunia pendidikan ialah dari aspek perluasan kandungan pembelajaran tanpa sekatan di seluruh dunia. Kini, para pelajar mampu untuk melayari pelbagai laman-laman sosial di internet yang berguna untuk meningkatkan kefahaman mereka terhadap sesuatu topik walaupun daripada negara yang berbeza.

Jika kita mengimbas kembali media pengajaran pada awal 20-an, penggunaan gambar, bahan bercetak, surat khabar, majalah, radio, rakaman audio, televisyen, rakaman video, CD, internet dan komputer masih digunakan sebagai media pengajaran. Tambahan pula, penggunaan media pengajaran secara tradisi seperti papan hitam dan kapur kerap menjadi media pengajaran di bilik kuliah suatu ketika dahulu. Namun, setelah menyedari mengenai keburukan habuk kapur yang menyebabkan pelbagai keburukan kepada kesihatan, kini, penggunaan papan putih dan 'marker pen' telah banyak digunakan bagi menggantikan papan hitam dan kapur. Media pengajaran dari bentuk elektronik kerap digunakan hanya di bilik kuliah, makmal dan bengkel seperti penggunaan komputer, internet dan projektor LCD. Hakikatnya, pendidik dan pelajar perlu bekerjasama dalam memastikan kitaran proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan sempurna, bermula dari fasa set induksi sehingga fasa refleksi ketika di dalam bilik darjah.

Menurut Fuchs dan Trottier (2014), media sosial adalah "gabungan teknologi yang membenarkan hubungan persahabatan dan komuniti yang baru disamping mengekalkan persahabatan yang sedia ada. Kebiasaannya, pengguna akan menggunakan media sosial untuk berhubung dengan keluarga dan rakan berbanding mencari hubungan persahabatan yang baharu (Harrison dan Thomas, 2009), tetapi mereka mempunyai kebebasan untuk berkawan dan mendekati sesiapa sahaja di alam maya. Oleh itu, pengguna diberi pilihan tentang siapa yang mereka ingin berinteraksi. Keupayaan media sosial untuk bertukar maklumat antara pengguna dalam pelbagai multimedia membolehkan mereka berhubung antara satu sama lain dengan mudah dan serta-merta. Menurut Manap *et.al.* (2016), lapan jenis aplikasi rangkaian media sosial yang sering digunakan secara meluas itu ialah Facebook, Twitter, Instagram, WeChat, Myspace, Telegram, Whatsapp dan Youtube. Melalui kajian beliau juga, didapati secara puratanya Whatsapp merupakan rangkaian sosial yang paling banyak digunakan oleh pelajar manakala Facebook juga banyak dikunjungi oleh pelajar dan ia berperanan sebagai medium untuk pencarian maklumat terkini dan membina jaringan.

Faizi *et.al.* (2013) telah mendapati bahawa aplikasi media sosial berupaya memupuk kerjasama pelajar bagi mencapai matlamat bersama dan mengesyorkan bahawa alat sosial dalam talian ini harus digunakan dalam persekitaran pembelajaran di Morocco pada masa tersebut. Melalui kajian oleh Alabdulkareem (2015) pula, guru dan murid di Arab Saudi bersedia untuk menggunakan media sosial dalam pendidikan, yang mana, mereka percaya ia berupaya meningkatkan pengalaman pendidikan mereka, walaupun amalannya sangat rendah. Seiring dengan pembangunan teknologi digital dunia, para pengamal pendidikan lebih terbuka untuk menggunakan teknologi dalam penyebaran ilmu kepada pelajar. Penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia pada awal tahun 2020 juga memberikan impak besar dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Rahil (2016) yang telah mengkaji kesan penggunaan Youtube sebagai salah satu medium dan bahan pembelajaran Bahasa Arab secara dalam talian, mendapati bahawa aplikasi ini dapat menggalakkan diri dan minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Selain itu, pembelajaran melalui aplikasi Youtube juga banyak memberi bantuan dalam proses pembelajaran dan secara tidak langsung mampu meningkatkan kemahiran mendengar Bahasa Arab pelajar. Fauzi dan Khusuma (2020) yang menjalankan kajian di Banten dan Jawa Barat, Indonesia mendapati proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian memudahkan guru mendapatkan bahan pengajaran dari pelbagai sumber dan memudahkan untuk dikemaskini.

Namun demikian, sebenarnya, penggunaan media sosial dalam proses PnP mempunyai pelbagai kebaikan dan kelemahan tersendiri. Kajian-kajian yang telah dijalankan di beberapa negara menunjukkan perkembangan dan

perenerimaan yang positif dalam kalangan pengguna khususnya para pelajar universiti. Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh Fatin & Aidah (2017), terdapat beberapa kebaikan dan kelemahan media sosial dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dari aspek kebaikan, media sosial sebenarnya telah membantu perkongsian ilmu dan maklumat secara terbuka tanpa berasa malu diantara murid dan guru. Hal ini demikian kerana berinteraksi ini akan berlaku di alam maya. Selain itu, media sosial juga dapat membantu dari aspek konteks pembelajaran bahasa apabila pelajar tempatan dapat berhubung dengan pelajar dari luar negara, contohnya melalui ruangan ‘message’ di ‘Twitter’. Kajian oleh Fatin *et.al.*, (2017) mengenai penerimaan media sosial sebagai medium pembelajaran di kalangan pelajar dalam pendidikan, mendapati bahawa pelajar lebih terbuka untuk menggunakan media sosial tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Raut dan Patil (2016) pula berpendapat, media sosial menyediakan kemudahan dan kelajuan optimum kepada pengguna dari segi memuat naik gambar, video atau cerita dengan jumlah perkongsian karya kreatif yang lebih besar. Selain itu, media sosial juga berkemampuan untuk memberi maklum balas segera yang mana, secara tidak langsung, membantu pelajar untuk memperhalusi dan mengembangkan kebolehan seni dan keyakinan dalam diri mereka.


Ironinya, dari sudut kelemahan media sosial pula, penggunaan medium ini mampu mengurangkan kawalan terhadap aktiviti pelajar secara individu sekiranya media sosial tidak dikawal (Sushma *et.al.*, 2019; Ahmed *et.al.*, 2021). Disamping itu, masalah akses internet juga sering menyebabkan penggunaan media sosial dalam pembelajaran menjadi lebih rumit. Hal ini kerana, kemudahan akses internet menyebabkan kunci yang penting kepada penggunaan media sosial (Affum, 2022). Disamping itu, media sosial juga boleh menyebabkan cabaran dalam proses memartabatkan sesebuah bahasa. Tanpa disedari, sebenarnya, penggunaan media sosial mampu memberikan ancaman kepada sesuatu bahasa apabila penggunaan ‘bahasa internet’ atau ‘bahasa rojak’ yang berleluasa akan menyebabkan kerosakan seni dan tatabahasa suatu bahasa (Shafiee *et.al.*, 2019). Hakikatnya, banyak maklumat yang boleh diperolehi melalui media sosial, namun pelajar perlu bijak dalam mencari dan memilih maklumat yang sah dan tepat disamping perlulah menggunakan pelbagai kaedah untuk mendapatkan sesuatu maklumat.

Kepelbagaian kaedah mengajar yang diterapkan di sesuatu institusi pendidikan dapat mengubah corak penyampaian serta memberi impak terhadap prestasi atau perkembangan, bukan sahaja kepada pelajar, malahan turut mempengaruhi inoasi dan kreativiti penyampaian tenaga pengajar itu sendiri (Mohd Zainudin, 2017). Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persepsi mahasiswa bagi penggunaan media sosial sebagai media pengajaran berpandukan pengalaman sendiri dalam kehidupan seharian mereka. Ia merangkumi kesan penggunaan media sosial terhadap kemahiran dan komunikasi pelajar serta yang melibatkan kandungan pelajaran tahun akhir bidang TVET.

Metodologi Kajian

Rajah 1 merupakan prosedur kajian yang dimulakan dengan kajian literatur bagi mendapatkan pernyataan masalah. Ia kemudiannya diikuti dengan pembinaan objektif dan persoalan kajian serta proses pembangunan instrumen soal selidik. Setelah mengenalpasti responden kajian, instrumen tersebut diedarkan melalui *google form*. Kesemua data yang diperolehi dikumpul bagi proses memasukkan dapatan tersebut ke dalam perisian SPSS dan untuk dianalisis secara terperinci melalui analisis deskriptif dan regresi.

Kajian ini mengaplikasi reka bentuk kajian secara kuantitatif. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1, populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir yang sedang mengikuti kursus siswazah bidang pendidikan teknikal dan kejuruteraan (TVET) di Sekolah Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia seramai 107 orang. Mereka terdiri daripada pelajar yang mengambil jurusan pendidikan teknikal dan vokasional yang ditawarkan di UTM iaitu Pendidikan Kemahiran Hidup, Pendidikan Kejuruteraan Mekanikal, Pendidikan Elektrik & Elektronik, dan Pendidikan Binaan Bangunan. Sampel kajian adalah seramai 75 orang pelajar yang dipilih secara rawak dari empat program pendidikan tersebut. Kaedah persampelan bertujuan ini dipilih bagi memberi tumpuan terhadap ciri-ciri tertentu dan sesuai dengan fokus penyelidikan yang ingin dijalankan. Ini bermakna, kajian ini akan mengambil sebahagian kecil populasi untuk tujuan pemerhatian dan membuat generalisasi berkenaan populasi yang diwakili oleh sampel tersebut. Pelajar tahun akhir dari empat program Pendidikan bidang TVET ini dipilih sebagai sampel kajian kerana mereka telah mengalami sendiri pengalaman menjalani proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka dan atas talian. Mereka juga telah didedahkan dengan penggunaan media sosial dalam pendidikan di sepanjang tempoh pengajian selama 4 tahun di UTM, terutamanya ketika di dalam fasa PdP atas talian bermula awal tahun 2020 sehingga kini.



Rajah 1. Prosedur Kajian

Jadual 1. Jadual Sasaran Responden

Kursus Yang Diambil	Bilangan Keseluruhan Pelajar	Bilangan Sampel Yang Diambil
Pendidikan (Kemahiran Hidup) - SPPH	58	38
Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal) - SPPJ	16	12
Pendidikan (Elektrik dan Elektronik) -SPPR	17	13
Pendidikan (Binaan Bangunan) - SPPQ	16	12

JUMLAH KESELURUHAN	107	75
---------------------------	-----	----

Kajian kuantitatif ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Kaedah soal selidik ialah instrumen yang amat sesuai digunakan terutama pada situasi yang amat terbatas dari segi masa, pergerakan dan kos seperti ini. Borang soal selidik yang dibina ini mengandungi bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Pada bahagian A, soal selidik terdiri daripada maklumat demografi pelajar. Bahagian B pula terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan pemboleh ubah iaitu persepsi pelajar, penggunaan media sosial dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan kelebihan serta kelemahan penggunaannya. Item-item ini diukur berpandukan kepada lima skala pemarkahan berdasarkan Skala Likert seperti yang tertera dalam Jadual 2. Statistik deskriptif (min, peratus dan kekerapan) dan regresi telah digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul dengan dibantu oleh perisian komputer Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 26.

Jadual 2. Jadual Pemarkahan Skala Likert

Skala	Item
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Analisis Data

Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan 2 kaedah iaitu deskriptif dan regresi seperti di bawah.

a) Data Deskriptif

Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa penggunaan platform ‘Youtube’ lebih mendominasi berbanding platform ‘Facebook’ dan ‘Twitter’ dengan kebanyakan item menunjukkan nilai min tertinggi. Youtube kurang popular dari segi perkongsian pengetahuan umum di mana Facebook lebih digemari oleh responden.

Jadual 3. Persepsi mahasiswa bidang pendidikan berkenaan penggunaan media sosial sebagai media pendidikan

No	Item	Jenis Media Sosial	Min
1	Saya sentiasa mengemaskini segala ciri-ciri (features) terkini pada aplikasi media sosial seperti yang dinyatakan di bawah untuk memudahkan proses pembelajaran saya	Twitter	3.45
		Facebook	3.74
		Youtube	3.80
2	Saya suka berkongsi pengetahuan umum di aplikasi media sosial:	Twitter	3.34
		Facebook	3.58
		Youtube	3.53
3		Twitter	3.65

	Saya selalu mengaplikasikan media sosial berikut sebagai salah satu sumber pengetahuan am dan perkembangan semasa.	Facebook	3.96
		Youtube	4.00
4	Saya telah didedahkan dengan pelbagai bidang pengetahuan berkaitan pembelajaran daripada media sosial:	Twitter	3.45
		Facebook	3.80
		Youtube	3.94
5	Saya lebih selesa untuk melontarkan sebarang persoalan berkaitan pembelajaran melalui aplikasi media sosial berbanding secara bersemuka.	Twitter	3.23
		Facebook	3.40
		Youtube	3.58
6	Saya gemar menggunakan media sosial tersebut dalam sesi pembelajaran	Twitter	3.39
		Facebook	3.66
		Youtube	3.96

Jadual 4 pula menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa video pendek mampu untuk meningkatkan pelbagai kemahiran dalam diri mereka sepanjang proses pembelajaran (4.06). Seramai 24 orang (30%) responden sangat setuju bahawa mereka dapat menguasai sesuatu kemahiran dengan lebih baik apabila menggunakan media sosial dan seramai 27 orang (33.8%) responden bersetuju dengan pernyataan ini. Manakala seramai 23 orang (28.8%) kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya, bagi item yang mempunyai bilangan responden tertinggi yang memilih sangat setuju ialah bagi item yang menyatakan bahawa kerja amali dapat dilakukan dengan baik melalui tontonan video demonstrasi di media sosial.

Jadual 4. Kesan Kepada Kemahiran Pelajar

No	Item	Min
1	Dengan menonton video demonstrasi di media sosial, saya dapat melakukan kerja amali dengan lebih baik	4.04
2	Melalui pembacaan saya di media sosial, saya percaya saya dapat menguasai sesuatu kemahiran dengan baik	3.86
3	Video pendek yang kreatif dan inovatif di media sosial telah meningkatkan pelbagai kemahiran dalam diri saya.	4.06
4	Saya dapat menguasai sesuatu kemahiran dengan lebih baik apabila menggunakan media sosial.	3.83
5	Saya dapat menggambarkan dengan lebih jelas sesuatu kaedah atau kemahiran apabila menggunakan media sosial	3.96

Berdasarkan Jadual 5, seramai 26 orang (32.5%) responden sangat setuju dan 33 orang (41.3%) bersetuju bahawa mereka sering berbincang mengenai pembelajaran melalui aplikasi media sosial. Seramai 60 responden juga bersetuju bahawa penggunaan aplikasi media sosial membolehkan mereka menghubungi pengajar dengan lebih cepat dan mudah. Daripada 7 item tersebut, nilai min terendah menunjukkan bahawa dari segi bersosialisasi, media sosial masih berupaya untuk menghubungkan mereka dengan rakan sekuliah. Media sosial juga dipercayai dapat membolehkan responden untuk berkomunikasi dengan pelbagai rakan sepelejaran dari seluruh negara, dengan menunjukkan nilai min tertinggi, 4.00.

Jadual 5. Kesan kepada Komunikasi Pelajar

No	Item	Min
----	------	-----

1	Saya bebas berkomunikasi dengan rakan sesawang untuk bertanya topik pembelajaran yang kurang difahami melalui aplikasi media sosial.	3.95
2	Saya sering berbincang mengenai pembelajaran melalui media sosial	4.01
3	Melalui aplikasi media sosial saya dapat berkongsi gambar dan video berkaitan pembelajaran	3.95
4	Saya dapat bersosial dengan rakan berkaitan pelajaran melalui media sosial.	3.90
5	Melalui aplikasi media sosial, saya dapat menghubungi pengajar dengan lebih cepat dan mudah.	4.01
6	Saya dapat berkomunikasi dengan pelbagai rakan sepelejaran dari seluruh dunia.	4.00
7	Penggunaan aplikasi media sosial membuatkan saya gembira kerana dapat bertukar-tukar pendapat sesama rakan.	4.00

Jadual 6 menunjukkan bahawa terdapat 29 orang (36.3%) responden yang sangat setuju dan 32 orang (40.0%) responden setuju dengan kenyataan bahawa mereka dapat berbincang tentang sesuatu tugas bersama rakan-rakan melalui media sosial. Selebihnya, 17 orang (21.3%) responden kurang setuju dengan 2 orang (2.5%) responden tidak setuju. Bagi nilai min terendah pula, 21 orang (26.3%) responden daripada 80 orang responden memilih sangat setuju dan 30 orang (37.5%) responden setuju bahawa mereka dapat melengkapkan kerja kursus melalui bantuan media sosial.

Jadual 6. Kesan kepada Kandungan Pelajaran

No	Item	Min
1	Saya dapat berbincang tentang sesuatu tugas bersama rakan-rakan saya melalui media sosial	4.10
2	Saya dapat melengkapkan kerja kursus saya disebabkan menggunakan media sosial	3.86
3	Saya terlibat dalam perbincangan akademik di media sosial dan ia telah meningkatkan prestasi akademik saya.	4.01
4	Saya gemar untuk menjadikan media sosial sebagai suatu aktiviti pembelajaran	3.94
5	Saya menggunakan media sosial untuk menyebarkan pengetahuan kepada rakan kelas saya.	3.93
6	Saya menggunakan bahan-bahan yang diperolehi daripada media sosial untuk melengkapkan tugas kuliah apa yang telah diajar di dalam kelas	3.94
7	Pembelajaran berasaskan media sosial sangat menyeronokkan	3.91
8	Penggunaan media sosial dapat meningkatkan pemahaman saya terhadap topik pembelajaran	3.98

b) Analisis Regresi

Kesan Media Sosial kepada Kemahiran Pelajar, Komunikasi Pelajar Dan Kandungan Pelajaran

Regresi linear ringkas digunakan untuk mengkaji hubungan linear antara dua pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Di dalam kajian ini, analisis regresi digunakan bagi melihat hubungan kesan penggunaan media sosial dengan kemahiran pelajar, komunikasi pelajar dan kandungan pelajaran. Ia melibatkan dua peramal iaitu penggunaan media sosial kesan kepada kemahiran pelajar, komunikasi pelajar dan kandungan pelajaran. Berdasarkan Jadual 7, hasil keputusan menunjukkan bahawa r^2 adalah 0.439 dan nilai signifikan yang diperolehi adalah 0.000 iaitu lebih kecil daripada 0.05. Dapatan ini menunjukkan bahawa, penggunaan media sosial menyumbang sebanyak 42.9 peratus ke atas Kemahiran pelajar. Kesimpulannya, apabila penggunaan media sosial meningkat satu peratus, maka skor kemahiran pelajar akan meningkat sebanyak 0.429 peratus.

Jadual 7. Kesan Media Sosial kepada Kemahiran Pelajar

Kesan Kepada Kemahiran Pelajar	
Penggunaan Media Sosial	r^2 0.429
	Sig.(2-tailed) 0.000
	N 80
	Peratus sumbangan 42.9

Bagi Jadual 8 pula, hasil keputusan menunjukkan bahawa r^2 adalah 0.607 dan nilai signifikan yang diperolehi adalah 0.000 iaitu lebih kecil daripada 0.05. Dapatan ini menunjukkan bahawa, penggunaan media sosial menyumbang sebanyak 60.7 peratus ke atas komunikasi pelajar. Justeru, apabila penggunaan media sosial meningkat satu peratus, maka skor komunikasi pelajar juga akan meningkat sebanyak 0.607 peratus.

Jadual 8. Kesan Media Sosial kepada Komunikasi Pelajar

Kesan Kepada Komunikasi Pelajar	
Kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan TVET	r^2 0.607
	Sig.(2-tailed) 0.000
	N 80
	Peratus sumbangan 60.7

Manakala bagi Jadual 9, hasil keputusan menunjukkan bahawa r^2 adalah 0.515 dan nilai signifikan yang diperolehi adalah 0.00 iaitu lebih kecil daripada 0.05. Dapatan ini menunjukkan bahawa, penggunaan media sosial menyumbang sebanyak 51.5 peratus ke atas kandungan pelajaran. Justeru, apabila penggunaan media sosial meningkat satu peratus, maka skor kandungan pelajaran akan meningkat sebanyak 0.515 peratus.

Jadual 9. Kesan Media Sosial kepada Kandungan Pelajaran

Kesan Kepada Kandungan Pelajaran	
Penggunaan Media Sosial	r^2 0.515
	Sig.(2-tailed) 0.000
	N 80
	Peratus sumbangan 51.5

Perbincangan

Persepsi mahasiswa bidang pendidikan tentang penggunaan media sosial sebagai media pendidikan

Menurut Roodt *et.al.* (2017), Video di platform ‘Youtube’ digunakan untuk mengukur keberkesanan penggunaan ke atas penglibatan murid dalam bilik darjah. Penggunaan Youtube memberikan impak yang positif dalam penglibatan murid secara keseluruhan dalam bilik darjah termasuk aspek tingkah laku, emosi dan kognitif. Melalui kajian ini, didapati secara puratanya penggunaan ‘Youtube’ merupakan rangkaian sosial yang banyak digunakan oleh pelajar tahun akhir berbanding ‘Facebook’ dan ‘Twitter’.

Berdasarkan analisis data, min tertinggi bagi penggunaan media sosial sebagai media pendidikan ialah ‘Youtube’ (35.3%). Dapat dilihat bahawa ramai pelajar menggunakan platform ‘Youtube’ untuk pelbagai tujuan pembelajaran termasuklah mengemukakan persoalan, memperolehi pengetahuan dan menggunakannya dalam sesi pembelajaran. Sejak 2012 lagi, mahasiswa kolej telah menggunakan Youtube dalam memperolehi maklumat dan kandungan yang berkaitan bagi memperkukuh pemahaman dan pembelajaran berasaskan kolaborasi (Hrastinski & Aghaee, 2012). Secara tidak langsung, ia sebenarnya mendorong pembelajaran secara sendiri di samping dapat membantu dalam pengajaran atas talian (Berk, 2009 & Logan, 2012). Disamping itu juga, dengan pengaplikasian Youtube dalam proses pengajaran dan pembelajaran, ia juga mampu meningkatkan pembelajaran yang berpaksikan elemen inovatif, seterusnya dapat mendorong pemahaman pelajar dengan lebih baik dalam memahami sebarang pengetahuan dalam kursus yang dipelajari (Jones & Graham, 2013).

Hasil kajian ini disokong oleh Reny (2021) yang menyatakan penggunaan platform *youtube* sebagai media pembelajaran akan membuat guru dapat menciptakan keadaan dan suasana pembelajaran yang menarik, menyenangkan dan lebih interaktif. Ketika melaksanakan pembelajaran secara bersemuka di bilik darjah mahupun secara dalam talian, video pembelajaran di *youtube* juga dapat dimanfaatkan untuk pembelajaran interaktif. Maka, tidak hairanlah jika ramai pelajar lebih cenderung mengaplikasikan platform ‘Youtube’ dalam atmosfera pembelajaran mereka kerana ia lebih interaktif disamping mampu memberikan impak positif kepada pelajar secara keseluruhan termasuk aspek tingkah laku, emosi dan kognitif.

Kesan Penggunaan Media Sosial Terhadap Kemahiran Pelajar Bidang TVET Tahun Akhir

Kemahiran amat berkait rapat dengan Pendidikan TVET. Antara kemahiran yang sering diketengahkan dalam Pendidikan TVET termasuklah kimpalan, fabrigasi, perpaipan dan pneumatik. Dapatan data dan analisis yang telah dilakukan oleh pengkaji merumuskan bahawa penggunaan media sosial memberikan kesan yang positif kepada kemahiran pelajar bidang TVET. Hal ini dapat kemahiran amat berkait rapat dengan Pendidikan TVET. Antara kemahiran yang sering diketengahkan dalam Pendidikan TVET termasuklah kimpalan, fabrigasi, perpaipan dan pneumatik. Dapatan data dan analisis yang telah dilakukan oleh pengkaji merumuskan bahawa penggunaan media sosial memberikan kesan yang positif kepada kemahiran pelajar bidang TVET. Majoriti responden bersetuju bahawa video pendek yang kreatif dan inovatif di media sosial telah meningkatkan pelbagai kemahiran dalam diri mereka. Pelajar dikatakan dapat mempelbagaikan kemahiran insaniah dalam diri mereka dengan menonton video pendek yang kreatif dan inovatif di media sosial seperti di platform 'Youtube'.

Namun demikian, data ini bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Marlene (2015) yang menyimpulkan bahawa pensyarah di Western Caribbean University menggunakan teknologi dalam proses pengajaran tetapi jarang menggunakan media sosial untuk pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini juga disokong oleh Nwokike *et.al.* (2021) yang menyatakan bahawa pensyarah TVET menggunakan platform media sosial adalah di tahap yang rendah. Seharusnya, sistem pendidikan kini memerlukan kolaborasi antara pendidik dan pelajar dalam mengadaptasi segala perubahan yang dinamik dalam dunia pendidikan. Penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran mempunyai pelbagai kelebihan termasuk menyediakan atmosfera pembelajaran yang lebih berpaksikan elemen inovatif. Menurut Graham (2013), penggunaan media sosial seperti platform 'Youtube' dalam proses pengajaran dan pembelajaran mampu meningkatkan pembelajaran yang berpaksikan elemen inovatif seterusnya dapat mendorong pemahaman pelajar dengan lebih baik dalam memahami sebarang pengetahuan kursus.

Kesan Penggunaan Media Sosial Terhadap Komunikasi Pelajar Bidang TVET Tahun Akhir

Secara amnya, komunikasi merupakan suatu aspek insaniah yang amat penting dalam diri sebagai seorang manusia. Manusia sememangnya memerlukan komunikasi samada secara 'verbal' dan 'non-verbal'. Berdasarkan dapatan dan analisis kajian yang telah pengkaji perolehi, hakikatnya, penggunaan media sosial memberikan kesan yang amat signifikan kepada komunikasi pelajar (Adam & Nor Zairah, 2014). Penyelidik menyatakan bahawa peranan media sosial sangat membantu dari aspek komunikasi yang mana melalui media sosial, pelajar dapat berinteraksi secara maya atau secara langsung dengan sesiapa sahaja untuk mendapatkan maklumat.

Selain itu, dapatan ini juga disokong oleh Suraya *et.al* (2021) yang mendapati bahawa fungsi menghantar dan memainkan rakaman audio dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur pelajar universiti, malahan aplikasi WhatsApp turut berperanan sebagai alat kolaborasi dalam pendidikan yang dapat menyumbangkan kepada perkembangan kemahiran berkomunikasi pelajar. Pelajar akan dapat berkomunikasi dengan lebih mudah dan cepat seterusnya mampu meningkatkan tahap komunikasi pelajar.

Melalui 'Facebook' dan 'Twitter' sahaja, pelajar mampu berkomunikasi secara virtual dan maklumat dapat disampaikan dengan lebih cepat walaupun beribu batu jaraknya antara orang yang berhubung itu. Selain itu, jarak yang jauh tidak akan menjadi batu penghalang yang mampu membataskan untuk berkomunikasi dan inilah satu manfaat rangkaian sosial yang harus dimanfaatkan semaksimum yang mungkin oleh pelajar.

Dari sudut lain, Manap *et.al* (2016) mendapati media sosial digunakan secara meluas oleh remaja generasi Z dengan pelbagai tujuan. Sekiranya tidak terkawal, penggunaan media sosial ini bukan hanya membawa implikasi yang positif (seperti pengukuhan hubungan, bakat dan kemahiran) tetapi juga kesan negatif kepada remaja.

Kesan Penggunaan Media Sosial Terhadap Kandungan Pelajaran Pelajar Bidang TVET Tahun Akhir

Kewujudan media sosial dalam sistem pendidikan memberikan kesan kepada kandungan pelajaran secara langsung mahupun sebaliknya. Konsep 'flipped classroom' amat bersesuaian untuk diaplikasikan sebagai salah satu kaedah pembelajaran masa kini. Konsep ini sesuai kepada pelajar generasi digital dimana melalui 'flipped classroom' masa

kuliah yang formal di bilik kuliah atau bengkel ditukar kepada kuliah melalui video di luar kelas dan waktu kuliah digunakan untuk tutorial dan pengukuhan kepada pelajar (Raja Nor Alina & Mastura, 2018). Justin (2018) juga berpendapat melalui ‘flipped classroom’, pelajar boleh menonton video kuliah mengikut waktu mereka sendiri, mereka juga boleh mengawal tayangan video tersebut seperti memainkan semula jika mereka merasa perlu dan penting.

Selain itu juga, melalui media sosial ini juga, pelajar dapat berbincang tentang sesuatu tugas yang dibekalkan bersama-sama rakan mereka. Dapatan data ini disokong oleh Syamsuri dan Ishaq (2018) dimana, menurut beliau, generasi digital ini mahir menggunakan ICT dan pelbagai aplikasi komputer untuk mendapatkan maklumat. Mereka juga lebih cenderung untuk berkomunikasi melalui media sosial. Justeru, tidak mustahil untuk pada masa kini, perbincangan sesuatu tugas bersama rakan-rakan sekuliah boleh dijalankan hanya melalui media sosial sahaja. Ironinya, melalui kajian oleh Kirin et.al (2022), mendapati bahawa kecanduan media sosial yang tidak terkawal telah memberi kesan negatif kepada akademik pelajar. Melalui dapatan tersebut, mereka telah mencadangkan beberapa garis panduan kepada para pendidik dan orang tua untuk mencari penyelesaian terbaik bagi menangani obsesi media sosial yang tidak terkawal dalam kalangan pelajar terutama di universiti mereka. Ini termasuk cadangan melaksanakan pembelajaran berintegrasikan media sosial dengan kaedah pembelajaran yang bersifat aktif dan komtemporari seperti pembelajaran berasaskan masalah (*problem based learning*). Rajah 2 menunjukkan rumusan dapatan kajian ini yang merangkumi kesan penggunaan media sosial terhadap kemahiran dan komunikasi pelajar serta kandungan pelajaran.

KESAN KEPADA KEMAHIRAN PELAJAR	KESAN KEPADA KOMUNIKASI PELAJAR	KESAN KEPADA KANDUNGAN PELAJARAN
<ul style="list-style-type: none"> • Dapat melakukan kerja amali dengan lebih baik • Dapat menguasai kemahiran dengan lebih baik • Dapat menggambarkan sesuatu kaedah atau kemahiran dengan lebih jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bebas berkomunikasi dengan rakan sesawang. • Berbincang mengenai pelajaran di media sosial • Menghubungi pengajar dengan lebih cepat • Bertukar-tukar pendapat sesama rakan 	<ul style="list-style-type: none"> • Gemar menjadikan media sosial sebagai suatu aktiviti pembelajaran • Penggunaan bahan daripada media sosial untuk melengkapkan tugas kuliah • Pembelajaran lebih menyeronokkan • Media sosial dapat meningkatkan pemahaman terhadap topik pembelajaran.

Rajah 2. Persepsi Pelajar Tahun Akhir Bidang TVET Terhadap Penggunaan Media Sosial Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai objektifnya dalam mengenal pasti persepsi penggunaan media sosial dan kesan penggunaan media sosial kepada kemahiran pelajar, komunikasi pelajar dan kandungan pelajaran pelajar tahun akhir bidang TVET. Keputusan kajian ini telah disarankan untuk digunakan sebagai panduan dan asas yang boleh digunakan oleh bakal pengkaji, pensyarah, pihak-pihak yang berkepentingan dan juga pihak kerajaan dalam usaha untuk memartabatkan Pendidikan TVET di Malaysia. Namun begitu, harus diingat bahawa penggunaan media sosial ini haruslah diambil pada kadar yang terkawal dan tidak melebihi keperluan sehingga boleh menjejaskan sahsiah dan kesihatan pengguna terutamanya di kalangan generasi muda.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan kewangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) (FRGS/1/2019/SSI09/UTM/02/24) dan Universiti Teknologi Malaysia.

Rujukan

- Adam, M.H., & Nor Zairah A.R.. 2014. The Influence Of Social Networking Sites On Student's Academic Performance In Malaysia. *International Journal Of Electronic Commerce Studies*. 5(2). 247-254
- Affum, M.Q. (2022). The Effect Of Internet On Students Studies: A Review. *Library Philosophy And Practice (E-Journal)*. 6932
- Alabdulkareem, S. A. (2015). Exploring the use and the impacts of social media on teaching and learning science in Saudi. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 182, 213-224.
- Ahmed, M., Farooq, U., Rehman, H. A., & Naeem, W. (2021). Effects of Social Media on Youth.
- Fullan, M. & Langworthy, M. (2013). *Towards A New End: New Pedagogies For Deep Learning*. Seattle: Collaborative Impact.
- Faizi, R., El Afia, A., & Chiheb, R. (2013). Exploring the potential benefits of using social media in education. *International Journal of Engineering Pedagogy (iJEP)*, 3(4), 50-53.
- Fatin, F.M. & Aidah, A.K. (2017). *Pengaplikasian Media Sosial Sebagai Alternatif Pengajaran & Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Pengajian Tinggi*.
- Fatin, F.M., Khalid, F. & Aidah, A.K. (2017). Whatsapp sebagai Platfom M-Pembelajaran. Dalam Rohaila Mohamed Rosly, Nabila Atika Razali & Nur Atikah Jamilluddin. (Editor)., *Pembelajaran Abad ke-21: Trend Integrasi Teknologi* (pp 69-79). Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Fauzi, I., & Khusuma, I. H. S. (2020). Teachers' elementary school in online learning of COVID-19 pandemic conditions. *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan*, 5(1), 58-70.
- Graham, C.R. (2013) *Emerging Practice And Research In Blended Learning*. In M. G. Moore (Ed.), *Handbook Of Distance Education* (3rd Ed., Pp. 333-350). New York, Ny: Routledge.
- Justin, R. (2018). 7 Personalized Learning Strategies And Examples. Muat Turun Daripada <https://www.prodigygame.com/blog/personalized-learning/#definition>
- Kirin, A., Ahmad Sharifuddin, Abdul Rahim, M. H. ., Faisal Husen Ismail, Shakila Ahmad, & Sharifah Khadijah. (2022). Impak Negatif Media Sosial Terhadap Akademik Pelajar : Kajian Kes Pelajar UTHM. *Human Sustainability Procedia*, 2(1), 16–25. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/7258>
- Kop, R. 2011. *The Challenges to Connectivist Learning on Open Online Networks : Learning Experiences during a Massive Open Online Course*
- Manap, J., Hamzah, M. R., Amin, A. S., Izani, N. N. M., Idris, F., Hamjah, S. H., ... & Saim, N. J. (2016, November). Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z. In *International Conference on Social and Economic Development*,(November) (pp. 1-12).
- Marlene, H.E. (2015). *The Role Of Social Media Tools In Higher Education Instruction*. Retrieved From <https://scholarworks.waldenu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=2539&content>
- Nwokike, F.O., Ezeabii, I.C. And Oluke, S.N. (2021), *Social Media: A Platform For Effective Instructional Delivery Of Technical And Vocational Education And Training (Tvet) Programmes*. *Journal Of Education, Learning And Development*, Vol. 9, No.5, Pp.37-47, 2021, Available At Ssrn: <https://ssrn.com/abstract=3895718>
- Rahil M.G. (2016). *Penggunaan Aplikasi Youtube Dalam Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Pelajar*. *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam (ISPEN-i 2016)*. Auditorium Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Raut, V., & Patil, P. (2016). Use of Social Media in Education: Positive and Negative impact on the students. *International Journal on Recent and Innovation Trends in Computing and Communication*, 4(1), 281-285.

Roodt, S., Harry, N. & Mwapwele, S. (2017). The effect of using youtube in the classroom for student engagement of the net generation on an information systems course. In J. Liebenberg and S. Gruner (Eds.). CCIS 730: 48–63, 2017. doi: https://doi.org/10.1007/978-3-319-69670-6_4

Reni, A. 2021. Pemanfaatan Youtube Sebagai Media Pembelajaran. [Online] Guru Berbagi. Available At: <https://Ayoguruberbagi.Kemdikbud.Go.Id/Artikel/Pemanfaatan-Youtube-Sebagai-Media-Pembelajaran/> [Accessed 30 August 2022].

Raja Noor Alina, R.A. & Mastura, I. (2018). Persediaan Tenaga Pengajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (Psmza) Di Dalam Mengharungi Arus Revolusi Industry 4.0. *Journal Konseling Dan Pendidikan* Volume 6 Nomor 3

Shafiee, H., Mahamood, A. F., Manaf, A. R. A., Yaakob, T. K. S. T., Ramli, A. J., Mokhdzar, Z. A., Jamaluddin, J., Bajuri, M., & Ali, M. E. M. (2019). *International Journal of Law, Government, and Communication*, 4(15), 141-153. DOI: 10.35631/ijlgc.4150015 Shafiee

Suraya, M., Norazrena A.S., Khairul Anuar, A.R., Zakiah, M.A., Nurul Farhana, J. & Abdul Hali, A. (2021). Whatsapp And Its Potential To Develop Communication Skills Among University Students. *International Journal Of Interactive Mobile Technologies (Ijim)*, 15(23), 57–71. <https://doi.org/10.3991/ijim.V15i23.27243>

Sushma Rawath, S. & Satheeshkumar, R. (2019). A Study on Impact of Social Media on Youth, *Journal of Management (JOM)*, 6(1), pp: 89-96

Syamsuri, A.S.H. & Ishaq, M.H. (2018). Guru, Generasi Z, Dan Pembelajaran Abad 21. Muat Turun Daripada <http://www.unismuh.ac.id/artikel/2018/05/26/guru-generasi-z-dan-pembelajaran-abad-21>

We Are Social & Hootsuite (2018). Digital In 2018 In Southeast Asia: Essential Insight Into Internet, Social Media, Mobile, And Ecommerce Use Across The Region. Retrieved From <https://wearesocial.com/blog/2018/01/global-digital-report-2018> [31 Mac 2019]